

## Bab 2

### Prestasi UMNO/Perikatan dan BN dalam Pilihan raya di Malaysia

Pilihan raya di negara kita telah dijalankan sebanyak sepuluh siri dan iaanya dilaksanakan berlandaskan lunas-lunas pilihan raya yang diiktiraf oleh undang-undang negara ini mahupun antarabangsa. Perkara asas yang perlu dititikberatkan ialah sistem pilihan raya yang diamalkan di negara ini haruslah mengambil kira soal praktiknya pengamalan demokrasi di negara kita. Sejak tahun 1955, ternyata prinsip demokrasi amat dititik beratkan dalam pilihan raya di negara kita.

*" Whatever others may do, and however hard we may have to fight, we will stand by the ideals, and the principles of democracy. We are determined to create a new nation evolving our own personality, maintaining our Malayan way of life and defending our Parliamentary democracy and up holding the principle that the state is made for men and not men for the state. "*<sup>1</sup>

Sebelum menjangkau lebih jauh untuk menerangkan perjalanan pilihan raya di negara ini, saya ingin menerangkan konsep pilihan raya dan perkaitannya dengan pengamalan di negara kita.

#### Definasi pilihan raya

Pilihan raya merujuk kepada:

"proses di mana mereka yang diperintah itu menentukan melalui cara pemilihan tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat."<sup>2</sup>

Manakala mengikut *The New Encyclopedia Britannica*, pilihan raya ditakrifkan sebagai :

*"The widespread use of elections in the modern world is largely due to the gradual emergence of representative government from the 17<sup>th</sup> century... Although it is common to equate representative government, elections and democracy... An electorate may be limited by formal legal requirements ...or it may be limited by citizens..."*<sup>3</sup>

Pilihan raya mengikut A.Rashid Rahman dalam bukunya bertajuk *Perjalanan Pilihan raya di Malaysia* pula ialah:

"Pilihan raya dari segi takrifnya boleh dikaitkan dengan perbuatan memilih dan ia berbeza dengan perbuatan melantik. Pemilihan umum ke atas seseorang untuk sesuatu jawatan dan pemilihan ini dibuat menerusi undi sesebuah perkumpulan atau constituent body. Apabila perbuatan memilih sesuatu atau seseorang untuk sesuatu jawatan atau kedudukan dilakukan secara terbuka oleh sekumpulan orang. Maka ia dikenali sebagai pilihan raya dua objek iaitu orang yang dipilih dan kumpulan pemilih."<sup>4</sup>

Pada pendapat saya, pilihan raya ialah suatu aturan pemilihan kerajaan yang tidak dapat lari daripada *demokrasi*. Setiap warganegara adalah bijak, *patriotik* dan berkecuali. Yang diingininya hanyalah untuk mencari pihak yang benar dalam setiap isu yang dipertikaikan, dan untuk menumpukan kepada orang yang terbaik di antara calon-calon yang bertanding.

Akalnya pula dibantu pula oleh pengetahuan tentang perlumbangan negara, membolehkan membuat pertimbangan yang arif di antara hujah-hujah yang diluahkan kepadanya, sementara semangatnya yang berkobar-kobar itu mencukupi untuk membawanya ke pondok mengundi.<sup>5</sup>

Demokrasi di Malaysia mengikut demokrasi ala *Westmister Abbey*, yang mengariskan pemerintahan harus di dukung oleh persetujuan umum, peraturan serta dasar awam dibuat oleh wakil-wakil rakyat yang dipilih melalui pilihan raya. Ketua negara atau ketua kerajaan dipilih secara langsung atau tidak langsung melalui proses pemilihan umum. Hak memilih secara langsung diberikan kepada rakyat jelata atas dasar kesamarataan. Jawatan dan tugas-tugas ini diselenggarakan oleh pegawai yang dilantik berdasarkan kelayakan daripada semua golongan rakyat.

Oleh kerana kerajaan demokrasi bergantung kepada pilihan raya untuk menentukan kuasa pemerintah, maka amatlah mustahak pilihan raya itu dijalankan dengan adil. Pilihan raya yang mengandungi perkara-perkara yang tidak diingini samalah juga seperti mendapat suatu kuasa dengan cara tipu dan tidak memuskan hati rakyat.<sup>6</sup>

#### UMNO dan pilihan raya di Malaysia

Realitinya Malaysia sejak sebelum merdeka hingga kini telah menjalankan sebanyak 10 siri pilihan raya dan ianya secara tidak langsung telah mengambarkan serba sedikit penglibatan parti politik UMNO dan strategi mereka. Pilihan raya di Tanah Melayu telah diadakan sejak awal tahun 1930an, umpamanya apabila ianya dijalankan oleh Persatuan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ), ianya di anggap sebagai pilihan raya yang pertama kali diadakan di Johor atau negeri-negeri Melayu lain. Pilihan raya ini adalah hasil cadangan Dato' Onn Jaafar dalam akhbar *Warta Malaya* di dalam tahun 1930. Alasannya ialah suara orang Melayu yang bukan pegawai kerajaan tidak ada di dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor dan ianya dipersetujui oleh ramai orang, telah diadakan pada 5 Mac 1931 dengan melibatkan 26 buah mukim.<sup>7</sup>

Bagaimanapun, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang dilaksanakan pada 1 Februari 1948 telah mengubah struktur politik Tanah Melayu sebagai persediaan dan melatih rakyat negeri memperolehi kemerdekaan, perjanjian ini menjanjikan pemilihan melalui pilihan raya yang dirasakan lebih adil.

*"... as soon as circumstance and local condition will permit, legislation should be introduced for the election of member to the several legislatures".*

Pilihan raya bagi peringkat Majlis Perbandaran George Town di Pulau Pinang telah diadakan di Pulau Pinang pada Disember 1951 bagi memilih 9 orang wakil di dalam Majlis Perbandaran George Town, Pulau Pinang. Sebanyak 3 buah parti bertanding iaitu Parti Radikal Pulau Pinang, Parti Buruh Pulau Pinang dan UMNO. Keputusannya apabila Parti Radikal Pulau Pinang telah memperolehi 6 buah kerusi.<sup>9</sup>

Pilihan raya juga diadakan di peringkat Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952 telah memberi peluang kepada parti pimpinan Dato' Onn iaitu Parti Kemerdekaan Malaya (*Independence of Malaya Party-IMP*) membuktikan kepada kerajaan British bahawa parti IMP bukan parti perkauman dan berjuang kearah perpaduan kaum dalam usaha untuk menuntut kemerdekaan.<sup>10</sup>

Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur telah menyaksikan kerjasama UMNO-MCA Selangor yang digabungkan pada 8hb Januari 1952. Kerjasama ini perlu untuk menyelesaikan masalah perkauman di Tanah Melayu.<sup>11</sup> Asasnya, gabungan ini bermula walaupun terdapat segelintir pemimpin MCA yang terlibat dengan IMP, dan MCA ingin meletakkan calon-calonnya untuk bertanding dalam pilihan raya Bandaran Kuala Lumpur, malangnya Ketua MCA Selangor, Sir H.S. Lee tidak dijemput dalam majlis pelancaran IMP, maka timbul ketegangan antara Dato Onn dan MCA. Pengurus UMNO Kuala Lumpur, Datuk Haji Yahya bin Datuk Abdul Razak yang diberi kuasa untuk memastikan kemenangan UMNO agak terperanjat dengan persaingan tambahan daripada parti MCA. Kesannya

pakatan pilihan raya telah dipersetujui dan beberapa syarat dimenterai seperti meletakkan calon bersama dan perbelanjaan yang perlu dikeluarkan oleh MCA.

Gabungan UMNO dan MCA telah membahagikan 5 kerusi majlis dan 6 kerusi untuk MCA pada peringkat awal; istilah ‘Perikatan’ tidak digunakan. Hasilnya gabungan ini telah memenangi 9 buah kerusi, IMP dengan 2 kerusi dan Bebas pula hanya memenangi sebuah kerusi. Walau bagaimanapun terdapat ketegangan disebabkan Rang Undang-undang Kawalan Imigresen pada tahun 1952 dan Ordinan Pelajaran pada tahun 1953, namun pakatan yang memerlukan persefahaman ini diteruskan.<sup>12</sup>

Usaha untuk menganjurkan sekali lagi pilihan raya telah memberi satu idea kepada Tunku Abdul Rahman untuk membuka jalan perundingan di peringkat pusat (Persidangan Meja Bundar)<sup>13</sup> pada Februari 1953 dan antara motifnya ialah untuk meluaskan maksud dan tujuan parti gabungan UMNO-MCA dan mencari titik-titik pertemuan di antara dua golongan bangsa yang terbesar bagi mencapai kemerdekaan melalui persefahaman.<sup>14</sup> Pada 21 Ogos 1953, Tunku Abdul Rahman tidak mahu dibayangi oleh Dato' Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang dan UMNO lama maka Tunku Abdul Rahman mencadangkan Perhimpunan Kebangsaan (*National Convention*) pada 23 Ogos 1953.

UMNO berharap untuk mengadakan pilihan raya peringkat Persekutuan pada 1954. Perkara ini yang membezakan perhimpunan ini dengan National Conference pimpinan Dato' Panglima Bukit Gantang yang menetapkan kemerdekaan pada 1956.<sup>15</sup> Pada masa yang sama, perhimpunan ini juga telah bersetuju menuju sebuah Perikatan Kebangsaan dan pada bulan September

1953 sebuah Majlis Kerja Kebangsaan yang mengandungi 30 orang ahli telah dilantik sebagai pihak berkuasa tertinggi. Majlis ini telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 10 April 1955 bertempat di Kuala Lumpur. Tidak lama selepas itu, MIC telah diminta menyertai Perikatan dan ia bersetuju menyertai pakatan ini setelah mengadakan undian secara tertutup pada bulan Oktober 1954.<sup>16</sup>

Pada tahun 1951, British telah bersedia untuk mengadakan pilihan raya Bandaran melalui *Local Goverment Ordinance* 1950. Bagi tujuan untuk mengadakan pilihan raya *Federal Legislative Council* pula sebuah Jawatankuasa Pilihan raya telah ditubuhkan pada Julai 1953 dalam Majlis Perundangan Persekutuan dengan wakil UMNO-MCA, Raja-raja Melayu dan British sebagai anggotanya. UMNO- MCA memilih untuk mengadakan satu Minority Report, manakala British dan raja-raja Melayu dengan Majority Report yang menjadi asas kepada terbentuknya ‘Election Report’ pada Januari 1954, tetapi ianya telah ditolak oleh UMNO-MCA. Kompromi dijalankan dan membolehkan UMNO-MCA menerima kehendak Majority Report, kerana cadangan mereka dalam Minority Report telah ditolak oleh Majlis Perundangan Persekutuan<sup>17</sup>.

Pada April 1954 pula sebuah Komisi Penentuan Batas Pemilihan yang terdiri daripada 3 orang anggota telah diperkenalkan sebagai persediaan terhadap pemilihan Dewan Perundangan Persekutuan. Komisi ini hanya diminta menyediakan perlantikan 52 orang anggota ke Dewan Perundangan, yang disusun bersesuaian dengan kawasan-kawasan pentadbiran negeri.<sup>18</sup>

Perkara ini tidak terhenti di sini sahaja, UMNO – MCA cuba menambat hati penduduk Tanah Melayu dan telah melahirkan satu sifat bencikan usulan Majority

Report (Kertas Putih British). Kecaman turut dilemparkan kepada Dato Onn yang telah dipilih sebagai Ahli Dalam Negeri, ini berikutan Dato Onn dan Parti Negara merupakan penentang kepada pilihan raya yang tergesa-gesa tanpa persediaan yang secukupnya. Parti UMNO yang disokong oleh *Utusan Melayu* yang diterajui oleh golongan radikal telah menentang Dato Onn sejak pengharaman PKMM. Pakatan UMNO-MCA telah menjalankan pelbagai langkah yang dirasakan relevan untuk mengancam kedudukan penjajah British di Tanah Melayu.

Tunku Abdul Rahman telah melawat ke England dan meminta British menyediakan 60 kerusi melalui pilihan raya, ini bersangkutan dengan dasar *neo colonialisme* UMNO-MCA dengan British. Ekoran daripada itu satu perundingan telah diadakan pada 2 Julai 1954, diantara British dan Tunku Abdul Rahman diatas kapal perang H.M.S. Alert di Singapura, rundingan yang lebih berbentuk tolak ansur ini meredakan tentangan terhadap Kertas Putih British. Ketegangan UMNO-MCA dan British selesai apabila pada 3 Julai 1954, mesyuarat tergempar Majlis Kerja diadakan bagi menerangkan persetujuan pertemuan sulit itu. Hasilnya Tunku Abdul Rahman dengan persetujuan penyokong nya telah bersetuju dengan rundingan ini dan British telah berjaya memujuk UMNO- MCA untuk bersabar kerana keperluan untuk menyiapkan perkara penting sebelum pilihan raya.<sup>19</sup> Hasil dari pada persetujuan diantara kerajaan dan Perikatan, penyelia pilihan raya, S.T. Smith telah mengumumkan pilihan raya diadakan pada 27 Julai 1955.<sup>20</sup>

Setelah pilihan raya diumumkan pada 1 Mac 1955, Tunku Abdul Rahman telah membentuk Jawatankuasa Kerja Majlis Sementara Perikatan untuk menyelenggarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihan raya. Majlis ini terdiri daripada 16 orang wakil UMNO, 6 wakil MCA dan MIC dan akibat perasaan tidak puas hati maka Tunku Abdul Rahman meletakkan UMNO seramai 40 orang, manakala 15 orang untuk calon MCA dan 2 orang lagi untuk MIC.<sup>21</sup>

Pada 27hb Julai 1955, pilihan raya telah diadakan dengan 52 buah kerusi telah ditandingi bersamaan 129 orang calon dan ianya disusun mengikut banci penduduk Malaysia Barat tahun 1947. Pilihan raya ini mempunyai 1,280,000 orang berdaftar, dan pengundi Melayu kurang daripada 84.2 peratus (1,078,000 orang), 11.2 peratus orang Cina (143,000 orang) dan selebihnya 3.9 peratus orang India (50,000 orang) dan kaum lain pula hanya 0.7 peratus bersamaan 9000 orang.<sup>22</sup>

Sebanyak 37 daripada 52 kawasan mempunyai pengundi Melayu lebih daripada 75 peratus, 4 di Pulau Pinang dan Perak, sebuah di Melaka dan Negeri Sembilan, 2 di Selangor, 3 di Johor. Tidak ada satu pun kawasan yang mempunyai pengundi India lebih daripada 15 peratus. Calon Melayu tidak bertanding dalam tiga kawasan sahaja: Bandar Raya Pulau Pinang (yang memiliki pengundi Cina yang besar dan di sini ketiga-tiga calon berbangsa Cina), Ipoh- Menglembu( sebuah kawasan dengan mempunyai majoriti penduduk Cina teramai) dan terdapat 2 calon berbangsa Cina iaitu daripada Perikatan dan Persatuan Kehangsaan Perak dan dua calon India iaitu seorang calon bebas dan seorang lagi daripada PPP. Akhirnya di Seremban, yang menyaksikan perebutan antara 2 orang calon Cina.<sup>23</sup>

Perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO pada bulan Jun 1955 meminta supaya di peruntukkan 90 peratus calon Melayu; hanya setelah Tunku Abdul Rahman mengancam hendak meletakkan jawatan barulah masalah tersebut diselesaikan dengan memberi peruntukan Perikatan sebanyak 52 kerusi (UMNO-35, MCA-15 dan MIC-2) untuk Perikatan. Parti Negara dengan 30 kerusi, Pas dengan 11 kerusi, Parti Kebangsaan Negeri Perak dengan 9 kerusi, Parti Buruh dengan 4 kerusi, Liga Melayu Perak dengan 3 kerusi, 2 kerusi untuk Parti Progresif Perak (PPP) dan Bebas dengan 8 buah kerusi.

Manifesto Perikatan telah dilancarkan pada 27 Julai 1955 untuk memancing lebih ramai pengundi, maka manifesto yang dikemukakan ialah "Menuju Ke arah Kemerdekaan" dan ianya melenyapkan semua perasaan tidak puas hati UMNO dengan kerakyatan *jus soli* dan MCA yang tidak begitu bersetuju dengan bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.<sup>24</sup> Keputusnya ialah Parti Perikatan berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi dengan mendapat 81.7 peratus (79.6 peratus) undi pengundi. Sebuah kerusi yang tidak dimenangi oleh Perikatan ialah bahagian pilihan raya Kerian di Perak yang dimenangi oleh calon Parti Islam se Tanah Melayu (PIS) iaitu Haji Ahmad Haji Hussain yang menjadi anggota P.I.S. dengan kemenangan 450 undi.<sup>25</sup>

Persuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu juga telah bersetuju untuk melantik Jemaah Menteri dengan nasihat Tunku Abdul Rahman. Di dalam jemaah menteri selain menjadi Ketua Menteri, Tunku turut memegang jawatan Menteri hal Ehwal Dalam Negeri dan orang kanan beliau iaitu Dato' Abdul Razak Hussein (Tun) dilantik menjadi Menteri Pelajaran, Tunku menetapkan 6 orang Menteri

daripada MCA, seorang daripada MIC. Penolong menteri pula terdiri daripada 4 orang daripada UMNO dan seorang daripada MCA.<sup>26</sup>

Tidak berapa lama kemudian, Tunku Abdul Rahman bersama rakan-rakannya dalam Perikatan telah mengikuti satu perundingan untuk menuntut kemerdekaan. Akhirnya selaku ketua Perikatan, Tunku Abdul Rahman dengan rasminya dilantik sebagai Perdana Menteri pada 31 Ogos 1957, dan diisyiharkan perlantikan Ahli-ahli Jemaah Menteri, Hakim Besar, Gabenor Pulau Pinang dan Melaka dan Yang Dipertua Agung.

Kemenangan di dalam pilihan raya ini ialah apabila UMNO dan rakan-rakannya telah berjaya mewujudkan persefahaman yang unggul, simbol kapal layar sudah cukup memberi gambaran sokongan padu yang diberi oleh rakyat kepada Perikatan. Semua ini penting untuk mencapai sesuatu yang dihajati oleh UMNO dan ditambah dengan sikap bersabar ahli UMNO telah melincinkan perjalanan pilihan raya. UMNO telah menjadikan orang Melayu sebagai satu kaum yang lahir daripada aspirasi gerakan kebangsaan sebelumnya.

Pilihan raya kebangsaan yang pertama berlangsung pada 18 Ogos 1959 yang melibatkan seramai 2,110,495 orang pengundi berdaftar dan merupakan pilihan raya pertama yang diadakan selepas kemerdekaan. Calon yang bertanding seramai 259 orang merebut 104 buah kerusi dan daripada jumlah ini seramai 157 orang Melayu, 79 orang Cina dan 23 orang India. Sebanyak 9 buah parti politik yang bertanding iaitu Perikatan, P.A.S., Front Sosialis, P.P.R., Parti Negara, Partai Rakyat Malaya, Semangat Pemuda Melayu, Buruh Seberang Perai dan calon Bebas.<sup>27</sup>

Jadual dibawah menerangkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti di Tanah Melayu pada Pilihan Raya 1959:

**Jadual 1: Jumlah Kerusi yang dimenangi oleh tiap parti pada Pilihan Raya 1959**

Nama Parti	Jumlah kerusi dimenangi
Perikatan	74
P.I.S	13
Front Sosialis	8
P.P.R	4
Negara	1
Partai Malaya	1
Bebas	3
<b>Jumlah</b>	<b>104<sup>28</sup></b>

Sumber :Asiah Ghani, *Memior, seorang pejuang*, hlm. 283, Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata dan Keputusan Pilihan Raya, 1959*.

Satu perkara yang menarik perhatian dalam Pilihan Raya 1959 ini ialah kejayaan PAS menawan hati pengundi-pengundi di Kelantan dan Terengganu. Sebelum pilihan raya Persekutuan, pilihan raya negeri telah diadakan dan menunjukkan yang Pas telah berjaya memenangi 28 daripada 30 kerusi di Kelantan dan 13 daripada 24 kerusi di Terengganu. Perikatan pula telah kalah teruk dengan

daripada 30 kawasan yang dipertandingkan, Perikatan hanya menang 2 kawasan iaitu di Hulu Kelantan dan Bandar Hilir.

Calon Perikatan Mohd Ali bin Abdulah mendapat 5051 undi mengalahkan calon Pas Wan Ismail Ahmad dengan 1978 undi. Sementara itu, Bandar Hilir pula dimenangi oleh Wee Khoon Hock (Perikatan) mengalahkan calon Pas, Haji Nik Mohd Adeb yang mendapat undi sebanyak 1745 undi. Daripada 10 buah kawasan Parlimen di Kelantan, Perikatan hanya menang di satu kawasan sahaja iaitu di Hulu Kelantan dengan Tengku Indera Petra (Perikatan) telah mendapat 8770 undi mengalahkan Amaluddin Darus (PAS) yang mendapat 8306 undi.<sup>29</sup>

Taktik Pas ialah parti ini berjanji akan menukar Kelantan menjadi sebuah negara Islam yang baik dari serba serbi dan diredhai Allah. Pada masa itu pemimpin Pas seperti Asri Haji Muda (Dato') anak jati Kelantan memberi kekuatan yang cukup kepada Pas untuk memegang teraju pemerintahan selama 18 tahun di sana, sehingga Pas menyertai BN pada tahun 1973.<sup>30</sup>

Manakala, kekalahan Perikatan di Terengganu pada Pilihan Raya 1959 tidaklah seteruk di Kelantan, pemimpin Pas pada masa itu yakin bahawa mereka boleh mempegaruhi orang Melayu agar terus mempercayai mereka bahawa Perikatan UMNO sudah melakukan perbuatan yang kufur apabila bergabung tenaga dengan Perikatan MCA dan MIC dalam Perikatan. Mereka sanggup menggunakan ayat Al Quran untuk mengukuhkan hujah mereka dan telah menuduh UMNO kafir.

Parti pembangkang telah membangkitkan isu perkauman, misalnya manifesto PPP menyeru untuk hak dan keistimewaan yang sama, menjadikan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa rasmi dan membentarkan bahasa ibunda mereka digunakan

sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah mereka. Pas menyeru untuk mengetatkan undang-undang imigresen, kewarganegaraan "Melayu", penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kbangsaan, menghadkan jawatan Menteri Besar, Menteri, Yang Dipertua Negeri, dan ketua turus angkatan tentera kepada orang Melayu sahaja. Bagi PAS, kemerdekaan yang dicapai merupakan kemenangan yang tidak bererti kerana UMNO telah menjual kedaulatan orang Melayu.<sup>11</sup>

Manakala, pilihan raya telah diadakan di peringkat persekutuan dan negeri pada 25 April 1964, dan sebenarnya tarikh ini sengaja dipilih sebagai strategi untuk membolehkan Perikatan menang besar. Cabaran pada ketika itu ialah apabila gagasan MALAYSIA telah ditubuhkan tanpa sokongan negara jiran. Perikatan sekali lagi mendapat kemenangan besar dengan membaiki rekodnya pada tahun 1959. Perikatan menang 123 daripada 159 kerusi Parlimen dan 240 daripada 282 kerusi negeri. Bilangan pemilih yang mengundi turut bertambah daripada 51.8 peratus pada tahun 1959 kepada 58.3 peratus pada 1964.<sup>12</sup>

UMNO bimbang jika kalah sekali lagi ke tangan Pas di Kelantan dan Pulau Pinang dan atas alasan itu Perikatan telah memberi peringatan kepada pengundi yang tidak bersekutu dengan kerajaan. Misalnya, di Kelantan, Perikatan telah menyebarkan 100 000 risalah menuduh kerajaan Pas mengadaikan 375 000 ekar tanah kepada firma Cina dengan harga yang rendah, Perikatan juga menuduh Pas tidak bijak mentadbir kewangan dan mengambil contoh pembangunan yang pesat di Terengganu berbanding Kelantan, akibat bantuan kerajaan persekutuan. Di Pulau Pinang pula, Perikatan berjanji untuk mengekalkan status pelabuhan bebas

sekiranya dipilih semula. Akibatnya Perikatan berjaya menguasai Pulau Pinang tetapi tidak dapat menguasai Kelantan.<sup>33</sup>

Sungguhpun Singapura, Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 16 September 1963, tetapi pilihan raya di negeri-negeri tersebut tidak diadakan serentak dengan Malaysia Barat. Dalam pilihan raya tahun ini, parti Perikatan memperolehi kemenangan cemerlang dan memperolehi 89 kerusi daripada 104 kerusi undi yang dipertandingkan dengan 58.3 peratus undi dan diikuti PAS (8), FSRM (2), PPP (2), UDP(1) dan PAP (1).

Pilihan Raya 1969 akan tercatat sebagai satu daripada peristiwa yang mencetuskan kekacauan dan tragik dalam sejarah Malaysia. Perikatan hanya memenangi 66 daripada 103 kerusi Parlimen dan ianya mendapat hanya 48.5 peratus daripada jumlah undi pemilih dan buat pertama kali Perikatan gagal mendapat 2/3 kelebihan undi dalam Parlimen. Rusuhan 13 Mei mengakibatkan parti pembangkang terus bersatu.<sup>34</sup>

Pas masih lagi menyeru untuk memulihkan keunggulan politik orang Melayu, Democratic Action Party (DAP) dengan "Malaysia untuk Rakyat Malaysia", People 's Progressive Party ( PPP) dengan kesamarataan politik dan menghapuskan hak istimewa orang Melayu. Parti Rakyat menamatkan sistem neo kolonial dan feudalisme, GERAKAN pula sebuah parti baru dengan manifesto 30 perkara yang bukan bersifat perkauman, tidak membangkitkan emosi dan berfahaman sederhana dan kempennya yang penting adalah untuk menyekat Perikatan daripada mendapat kelebihan suara 2/3 dalam Parlimen yang diperlukan

untuk mengubah perlembagaan. Strategi pilihan raya tanpa terbendung lagi dan menjadi “kasar dan kejar” menyebabkan suasana bertambah tegang.

Semasa pilihan raya ini kerjasama (pakatan) pembangkang telah membawa hasil. Perikatan tewas di tangan Pas di Kelantan, turut tewas di tangan Gerakan di Pulau Pinang yang memenangi 16 daripada 24 kerusi negeri, bilangan kerusi yang dimenangi oleh Perikatan turut berkurangan hingga 4 kerusi. Pada masa itu timbul ura-ura yang menteri besar bukan Melayu akan dilantik, namun Gerakan tidak mahu terlibat dalam soal ini dan membolehkan Perikatan menubuhkan Kerajaan di kedua-dua buah negeri tersebut. Di Kedah dan Terengganu, Perikatan menang dengan kelebihan undi yang sedikit manakala di Perlis, parti Pas mendapat perhatian.<sup>35</sup>

Kemerosotan undi UMNO/ Perikatan dalam kedua-dua pilihan raya ini dapat dilihat dalam jadual 2 dibawah:

**Jadual 2: Peratus pencapaian Perikatan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen (P) pada tahun 1964/ 1969**

Parti	Tahun 1964		Tahun 1969	
	P	N	P	N
Perikatan	57.6	57.6	45.8	46.8 <sup>36</sup>

Sumber: Hussein Mohammad, *Membangun Demokrasi Pilihan raya di Malaysia*, hlm. 113-114, Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata dan Keputusan Pilihan Raya tahun 1964/ 1969*.

Pilihan raya umum turut diadakan pada 1974, apabila Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa peruntukan kerusi untuk komponen BN telah ditetapkan dan beliau menambah "Kami telah bersedia untuk pilihan raya." Dua hari kemudian Parlimen telah dibubarkan dan tarikh pilihan raya ditetapkan pada 24 Ogos 1974. Sebanyak 154 kerusi Parlimen akan dipertandingkan, BN meletakkan calonnya untuk semua kerusi pilihan raya iaitu 114 buah di Semenanjung Malaysia, 16 di Sabah dan 24 di Sarawak. BN telah berkecimpung berdasarkan enam isu asas: Perpaduan, ekonomi, dasar luar negeri, keselamatan, agama dan perkhidmatan sosial. Manifesto BN 1974 menerangkan asas umum yang minimum, menerangkan sikap rasional dan matlamat kerajaan untuk kemajuan kerajaan dalam bidang ekonomi dan dasar luar negeri. Parti-parti lain tidak kurang hebat, misalnya MCA dan PPP menggunakan isu lawatan Tun Razak ke China; manakala di Pulau Pinang Gerakan menumpukan perhatiannya pada isu pemulihan ekonomi negeri dan janji kerajaan Persekutuan untuk masa depan. Pas pula menekankan helata perlunya perpaduan dikalangan orang Melayu.<sup>37</sup>

Keputusan pilihan raya ini telah memberikan kemenangan besar kepada BN dengan membolot 135 daripada 154 kerusi Parlimen. Ini memberikan BN kurang 87 peratus daripada kerusi pilihan raya Persekutuan dan 59 peratus undi popular. Kerusi Parlimen selebihnya dimenangi oleh DAP dengan 9 kerusi dan Pckemas 1 kerusi di Semenanjung, sementara itu di Sarawak SNAP memenagi 9 kerusi. Di peringkat negeri, BN menguasai semua kerusi Parlimen yang ditandingi mereka, hanya 4 orang wakil BN kalah ketas calon bebas.<sup>38</sup>

Jadual dibawah memperihalkan tentang keputusan Pilihan Raya 1974:

**Jadual 3:Malaysia: Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1974.**

Parti	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
BN	135	313
DAP	9	23
Pekemas	1	1
SNAP	9	18
Kita	0	0
PSRM	0	0
PBPR	0	0
Bisamah	0	0
Bebas	0	5
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>360<sup>39</sup></b>

Sumber: J.P. Means, *Malaysian Politics Second generation*. hlm. 34, Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata dan Keputusan Pilihan Raya 1974*, New Strait Times microform Straits Times, New Sunday Times, Kuala Lumpur: NST Press, 1974.

Kabinet baru telah digubal dengan meletakkan Timbalan Perdana Menteri Dato' Hussein Onn sebagai Menteri Kewangan dan Dr. Mahathir Mohammad sebagai Menteri Pendidikan. Kemenangan BN dengan dominasi UMNO ini telah melenyapkan hormahan orang ramai yang BN tidak dapat menerajui pemerintahan negara, sedangkan ternyata kerajaan pusat telah berjaya mengerakkan jentera pentadbiran negara agar maju dari semua lapangan termasuk ekonomi.<sup>40</sup>

Pada bulan Oktober 1977, DUN Kelantan mengemukakan suatu usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besarnya, Datuk Haji Mohamed Nasir yang telah dipecat daripada parti siasatnya, iaitu Pas. Usul itu telah diluluskan dan akibatnya rusuh dan demonstrasi-demonstrasi telah berlaku. Kerajaan Pusat telah campurtangan dan mengistiharkan keadaan darurat serta mengambil alih pentadbiran negeri itu. Pemansuhan darurat Kelantan telah dibubarkan pada 13hb Februari 1978 mengikut warta kerajaan negeri Kelantan bil. 145 bertarikh 13hb Februari 1978. Suruhanjaya Pilihan raya telah bermesyuarat pada 14hb Februari 1978 dan menetapkan tarikh untuk mengadakan suatu pilihan raya umum.<sup>41</sup> Dalam tahun-tahun 1964, 1969 dan 1974, pilihan raya DUN telah diadakan serentak di DUN Kelantan tetapi pilihan raya ini menyaksikan ianya diadakan secara berasingan.<sup>42</sup>

Keputusan pilihan raya negeri Kelantan ini dapat dilihat dalam Jadual 4 di bawah ini:

**Jadual 4:Keputusan pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri (DUN)  
Kelantan 1978**

Parti siasah	Jumlah kerusi yang dimenangi
1. BN	23
2. BERJASA	11
3. PAS	2
Jumlah	36 <sup>43</sup>

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Suruhanjaya Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 1977*. hlm. 6

Kemenangan BN dalam Pilihan Raya DUN di Kelantan dan pergolakan ekonomi telah dijadikan alasan untuk mengadakan pilihan raya umum, maka pilihan raya telah diadakan pada 21 Jun 1978. Pas pula menyebarkan fitnah dengan mengatakan Menteri Besar Kedah, Syed Ahmad Shahabuddin telah mengabaikan kebijakan rakyat. Harapan Pas ialah dapat menguasai Kedah dengan alasan mereka untuk menyebarkan syiar Islam dan menwujudkan sebuah negara Islam.<sup>44</sup>

Melalui kempen yang menitik beratkan persamaan kaum dan ekonomi telah membawa kejayaan kepada BN. BN menang dengan majoriti 55.3 peratus, dan berkurangan sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun 1974. DAP mulai menyerlah kerana telah menambahkan bilangan calonnya dalam Parlimen setelah memenangi kerusi di Sabah.<sup>45</sup>

Jadual dibawah menunjukkan tentang keputusan Pilihan Raya 1978:

**Jadual 5: Malaysia: Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1978.**

Parti	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
BN	5	9
DAP	130	239
PAS	16	25
SAPO	1	-
SNAP	-	-
Bebas	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>351<sup>46</sup></b>

Sumber: J. P. Means, *Malaysia Politics, Second generation*. hlm. 68, Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata dan Keputusan Pilihan Raya 1978*.

Pilihan raya pada 22 April 1982, dianggap menarik kerana buat pertama kalinya BN dibawah teraju kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia ke empat. Pilihan raya ini telah diadakan kerana kerajaan baru dibawah kuasa Dr. Mahathir Mohamad perlu mandat baru untuk membentuk legitimasi baru, BN berharap dapat lebih maju dibawah teraju pemimpin baru, krisis ekonomi yang melanda telah membantutkan pembangunan negara, dan jika pilihan raya dilambatkan hanya akan menimbulkan krisis.<sup>47</sup>

Semasa pilihan raya ini, terdapat ramai golongan belia yang berpendidikan telah terpengarud pergerakan Islam, mereka ini telah menubuuhkan ABIM (Angkatan Belia Malaysia) yang diketuai oleh Anwar Ibrahim. Walaupun konflik tercetus antara ABIM dan UMNO, tetapi tidak lama kemudian Anwar Ibrahim telah menyertai UMNO.<sup>48</sup>

Keputusannya ialah BN menang dengan majoriti undi 60.5 peratus (DAP-20.3 peratus, UMNO-35.9 peratus, MCA-18.4 peratus dan 16.4 peratus untuk Pas). UMNO telah menang 70 daripada 73 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan ini berikutan kempen dan slogan BN yang berbunyi *Bersih, Cekap dan Amanah* yang telah meningkatkan kepercayaan rakyat Malaysia terhadap kerajaan pimpinan BN.<sup>49</sup>

Jadual dibawah memperlihatkan tentang keputusan Pilihan Raya 1982

**Jadual 6:Malaysia: Pilihan raya Dewan Undangan Negri (DUN) dan Parlimen 1982**

Parti	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
BN	132	281
PAS	5	18
DAP	9	12
SAPO	0	
Pekemas	-	
Bebas	8	1
<b>Jumlah</b>	<b>154</b>	<b>312<sup>50</sup></b>

Sumber: J.P. Means, *Malaysia Politics, Seconds generation*. hlm. 89, Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata dan Keputusan Pilihan Raya 1982*.

Seperti juga pilihan raya sebelum ini, Pilihan Raya 1986 tidak banyak beza kerana kemenangan masih berpihak kepada BN. Namun, undi majoriti agak merosot daripada 60.4 peratus pada 1982 menjadi 55.8 peratus pada 1986. BN telah berjaya menguasai 83 peratus tempat di Parlimen. Bagi parti UMNO, peningkatan sebanyak 10.18 peratus, DAP dengan 22.7 peratus dan Pas sebanyak 16.91 peratus. Kemenangan dalam pilihan raya ini diraikan sebagai tanda bersyukur dan berpuas hati dengan sokongan rakyat terhadap komponen BN.<sup>51</sup> Keputusan pilihan raya dapat dirujuk daripada jadual dibawah:

**Jadual 7: Pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1986**

Parti	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
BN	148	299
PAS	1	15
DAP	24	37
NASMA	0	0
SDP	0	0
Berjaya	0	0
Bebas	4	0
<b>Jumlah</b>	<b>177</b>	<b>351<sup>51</sup></b>

Sumber: J.P. Means, *Malaysia Politics, Second generation*. hlm. 186, Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata dan Keputusan Pilihan Raya 1986*.

Pilihan Raya 1990 memperlihatkan prestasi BN terutama UMNO tidak begitu cemerlang. Ini berikutan terdapat isu-isu penting seperti pertentangan antara kerajaan BN dengan institusi istana yang berlegar sekitar persolan "kekebalan" raja, pertentangan antara "team A" dan "team B" yang membawa kepada pengharaman UMNO, dan pertentangan antara kepimpinan BN dengan institusi kehakiman yang membawa kepada penyingkiran Ketua Hakim Negara pada masa itu. Gagasan Rakyat telah ditubuhkan dan ianya ialah gabungan parti politik pembangkang. Parti ini ditubuhkan untuk menumbangkan BN dikawasan Pantai Barat dan Malaysia Timur.<sup>53</sup>

Sungguhpun begitu, pilihan raya ini masih menyaksikan kejayaan yang besar parti politik UMNO, MCA dan Gerakan dengan majoriti undi 70 hingga 80 peratus, MIC pula mencapai majoriti 100 peratus sama seperti tahun lalu, DAP dengan prestasi 50 peratus tetapi PAS dan S 46 merosot dengan masing-masing memperolehi undi majoriti sebanyak 20 peratus dan 15 peratus.<sup>54</sup>

Jadual 8: Senarai parti politik, jumlah calon pilihan raya umum di Semenanjung Malaysia 1990

Nama parti	Jumlah calon	Jumlah menang	Jumlah kalah
1. UMNO	84	70	15
2. MCA	33	18	15
3. MIC	6	6	0
4. Gerakan	8	5	3
5. DAP	36	18	18
6. PAS	29	7	22
7. S46	65	8	57
<b>Jumlah</b>	<b>201</b>	<b>132</b>	<b>130<sup>ss</sup></b>

Sumber: Zakry Abadi, *Analisis Pilihan Raya umum, 1990*. hlm. 11, Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata dan Keputusan Pilihan Raya 1990*.

Pilihan raya ke sembilan diadakan pada 24 April 1995 dengan kemenangan masih berpihak kepada BN:

**Jadual 9:Jumlah Kerusi yang dimenangi dalam Pilihan Raya 1995**

Parti	Tanpa bertanding	Bertanding	Jumlah
BN	11	151	162
DAP	-	9	9
PBS	-	8	8
PAS	-	7	7
S46	-	6	6
Parti Angkatan Ke 'adilan			
Insan Malaysia (AKIM)			
Parti Rakyat Malaysia (PRM)	-	-	-
Calon Bebas	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>181</b>	<b>192<sup>56</sup></b>


Sumber:Suruhanjaya Pilihan Raya, *Penyata Pilihan Raya Umum 1995*. hlm.25.

**Jadual 10: Jadual Kerusi yang dimenangi oleh Perikatan/BN dari tahun 1955-1995.**

Tahun	Pemenang	Jumlah kerusi yang ditandingi	Jumlah kerusi yang dimenangi
1955	Perikatan	52	51
1959	Perikatan	104	74
1964	Perikatan	104	89
1969	Perikatan	144	74
1974	BN	154	135
1978	BN	154	130
1982	BN	177	132
1986	BN	177	148
1990	BN	180	180
1995	BN	192	161 <sup>57</sup>

Sumber: Foad Sakdan, *Asas Pengetahuan Politik*, hlm. 149.

Graf 1: Jumlah Kerusi Parlimen Dan DUN Yang Dimenangi Oleh Perikatan/BN 1955-1995



Jadual dan graf di sebelah telah menunjukkan kepada kita bahawa berlaku peningkatan dan penurunan prestasi BN sejak pilihan raya pertama kali diadakan, namun tidak dapat disangkal lagi parti BN ialah parti unggul kerana tidak pernah kalah sejak Pilihan Raya tahun 1955 hingga Pilihan Raya 1995.

“... Barisan nasional yang telah berkuasa sekian lamanya (itu) sesunguhnya mempunyai terlalu banyak kekuatan. Semua alat kerajaan adalah juga wangnya. Ia menggunakan segala alat yang boleh dan mengambil kesempatan meluluskan segala peruntukan dan bantuan atas nama kerajaan pada masa itu juga tetapi kepentingannya adalah untuk kepentingan politik”.”

Ternyata sepanjang pilihan raya diadakan BN dan parti komponennya telah berjaya mendapat majoriti 2/3 undi rakyat bagi membolehkan mereka menerajui pemerintahan negara. Kepercayaan rakyat perlu untuk memastikan BN memerintah negara dengan seaman yang boleh tanpa gangguan daripada luar.

Manakala jadual dan graf dibawah cuba untuk menerangkan tentang prestasi UMNO dalam pilihan raya-pilihan raya yang diadakan di negara ini. Daripada jadual ini, kajian boleh dibuat untuk mengetahui prestasi UMNO samada meningkat atau sebaliknya.


**Jadual 11:Jumlah Kerusi yang dimenangi oleh UMNO pada pilihan raya tahun 1955, 1959, 1969, 1974, 1982, 1995.**

Tahun	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
1955	34	-
1959	52	140
1969	52	134
1974	61	168
1982	70*	196
1995	72	175 <sup>59</sup>


Sumber: Hussain Mohamad, *Membangun Bersama Demokrasi di Malaysia*. hlm. 101. Suruhanjaya Pilihan Raya tahun 1959, 1969, 1974, 1982, 1995.(disesuaikan)

\*Termasuk seorang calon Melayu "tidak berparti" yang direstui oleh UMNO/BN iaitu bagi kawasan undi Hilir Perak, Perak.

Graf 2: Graf Jumlah kerusi Parlimen Yang Dimenangi UMNO 1955, 1959, 1969, 1974, 1982 dan 1995



**Graf 3: Graf Jumlah kerusi DUN Yang Dimenangi UMNO 1955, 1959, 1969, 1974, 1982 dan 1995**



## NOTA HUJUNG

1. Tengku Abdul Rahman, *Contemporary issues in Malaysia politics*, Pelanduk Publishing, Kuala Lumpur, 1984. hlm. v.
2. Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan PJJUSM, Selangor, 1995. hlm. 260. Lihat *Politics of knowledge: Science and evolution in Asia and the Pacific*, (ed) by Morris Low and Cristine Dureau, *History and Anthropology*.
3. *The New Encyclopedia Britannica*, 1978, vol 6. hlm. 529
4. A. Rashid Rahman, *Perjalanan Pilihan raya Di Malaysia*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1994. hlm. 1.
5. Syed Ahmad Hussein, *op. cit.*, hlm. 83.
6. Mohd Salleh Abbas, *Pilihan raya Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1987. hlm. 4. Lihat *Malaysia politics and the 1978 Election*, Bab 11, *Asian Journal of Political Science*, Vol 8, Number 2, December 2000, BRILL, Times Ac Press.
- Ordinan Pendaftaran Pengundi (1954)  
"Semua warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun pada tarikh kelyakan mendafstar dan bermanfaatutin di dalam sesebuah kawasan undi tertentu pada tarikh berkenaan adalah layak menjadi pengundi ." rujuk Hussien Mohammad, *Membangun demokrasi di Malaysia*, hlm. 21.
7. Ramlah Adam, *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. hlm. 56.
8. Abdul Latif Abu Bakar, *Peranan Media dalam pilihan raya Persekutuan*, Fajar Bakti Sd. Bhd., Shah Alam, 1998. hlm. 30-35.
9. *Ibid.*, hlm.
10. Ramlah Adam., *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*.hlm. 262.
11. *Ibid.*, hlm 263.
12. *Ibid.*, hlm. 166.
13. R.S. Milne, D.K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan Malaysia*, OUP, Kuala Lumpur, 1977. hlm. 166.
14. Abdul Latiff Abdul Bakar, *Peranan Media dalam pilihan raya*. hlm. 30-35. Lihat *Politik Melayu: Indeks akhbar 1989-1990*, Bangi : Perpustakaan Alam, Tamadun Melayu,UKM, 1992.
15. Ramlah Adam, *op. cit.*, hlm. 265.
- 16.R.S. Milne, *op. cit.*, hlm. 166-167.
17. Ramlah Adam, *op. cit.*, hlm. 267.  
Penerimaan Majoriti Report kerana beberapa sebab iaitu kerana anggota Majlis itu terdiri daripada orang yang dilantik oleh British dan Raja-raja Melayu bagi mewakil Negeri-negeri Melayu, dari secara teknikal cadangan pilihan raya pada tahun 1954 terlalu suntuk.
- 18.K. J. Ratnam., *Paham perkauman dan proses politik*, UMP, Kuala Lumpur, 1965. hlm. 214.
- 19.Ramlah Adam, *op. cit.*, hlm. 270.
- 20.Abdul Latiff Abdul Bakar,*op. cit.*, hlm.
21. *Ibid.*, hlm.
22. K. J.Ratnam., *op. cit.*,hlm. 219-220.
23. *Ibid.*, hlm 223.
24. Ramlah Adam, *op. cit.*, hlm. 271.
25. *Ibid.*, hlm. 228. Lihat *Asiah Ghani, memoir seorang pejuang*, hlm. 166/67.
26. *Ibid.*, hlm. 274.  
Dengan kemenangan yang cemerlang, maka pemimpin Perikatan lebih bersemangat untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Tun Sardon Jubir, selaku Ketua Pemuda UMNO telah mengambil insiatif bagi menentukan tarikh kemerdekaan yang sesuai. Di dalam Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO yang diadakan pada penghujung tahun 1955, Tun Sardon Jubir telah mengemukakan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Keberangkatan Tunku Abdul Rahman dan rakan-rakannya ke London telah disambut baik oleh rakyat.
27. Asiah Ghani, *Memoir seorang pejuang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992. hlm. 81.
28. *Ibid.*, hlm. 238.

29. Asiah Ghani, *op. cit.*, hlm. 83.
30. *Ibid.*, hlm. 82.
31. R. S. Milne, *op. cit.*, hlm. 183.
32. *Perlembagaan Malaysia*, hlm. 248.
33. R.S. Milne., *op. cit.*, hlm. 183.
34. *Perlembagaan Malaysia*, *op. cit.*, hlm. 249, Lihat Struart, *The Malaysia Election 1969. An Analysis of campaign and result* dan G. P. Means, *Malaysia politics second generation* (Bab 1).
35. R. S.Milne, *op. cit.*, hlm. 188.
36. *Ibid.*, hlm. 189.
37. J. P. Means, *Malaysian Politics, Second Generation*. hlm. 233.
38. *Ibid.*, hlm. 230
39. *Ibid.*, hlm. 35.
40. *Ibid.*, hlm. 34
41. *Suruhanjaya Pilihan Raya Umum DUN Kelantan, 1978*. hlm. 1
42. *Ibid.*, hlm. 6.
- 43.*Ibid.*, hlm. 6.
44. *Ibid.*, hlm. 6.
45. *Ibid.*, 66-67.
46. *Ibid.*, hlm. 68.
47. *Ibid.*, hlm. 68.
48. *Ibid.*, hlm. 68.
49. *Ibid.*, hlm. 68.
50. *Ibid.*, hlm. 89.
51. *Ibid.*, hlm.187.
52. *Ibid.*, hlm. 186.
53. *Dewan Masyarakat, Mac 1999*.
54. Zakry Abadi, *Analisis Pilihan Raya Umum 1990*, MYZ Sendirian Berhad, hlm. 11.
55. *Ibid.*, hlm. 11.
56. *Suruhanjaya pilihan raya umum 1995*. hlm. 25.
57. Hussain Mohammad, *Membangun Demokrasi pilihan raya di Malaysia*. hlm. 136
58. Foad Sakdan, *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. hlm. 149.
59. Hussein Mohammad, *op. cit.*, hlm. 101.